

**PERKEMBANGAN BUDAYA BERPAKAIAIN MAHASISWI UNIVERSITI MALAYA:  
ISU DAN CABARAN**  
*(Cultural Development of Universiti Malaya's Students Dressing: Issues and Challenges)*

Noor Zulaikha Azlin Abdul Manaf\* & Aizan Ali@Mat Zin\*\*

**Abstrak**

Artikel ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan budaya berpakaian mahasiswi Universiti Malaya berserta isu dan cabarannya. Selari dengan arus pemodenan, budaya berpakaian tradisional telah berubah dan berkembang mengikut perubahan zaman. Rentetan daripada perkembangan tersebut, terdapat isu dan cabaran yang dihadapi oleh mahasiswi dalam pemilihan pakaian semasa berada di kampus terutamanya. Soalannya, apakah faktor yang mendorong kepada perubahan dalam perkembangan tersebut serta isu dan cabaran yang timbul akibat perkembangan budaya pemakaian dalam kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya. Pengumpulan data-data kajian telah memanfaatkan kaedah dokumentasi, observasi dan soal-selidik dalam meneroka bahan-bahan primer dan sekunder yang berkaitan dengan objektif kajian. Data-data yang dikumpulkan telah dianalisis secara saintifik, induktif, deduktif dan komparatif bagi menghasilkan dapatan kajian. Hasil kajian menemui bahawa mahasiswi memilih pakaian berdasarkan pengaruh kawan sekuliah mengatasi garis panduan berpakaian Islam. Kesimpulannya, tren berpakaian akan terus mengalami evolusi merentas masa dan zaman. Namun ia perlu selari dengan panduan syariat.

**Kata kunci:** budaya pemakaian, mahasiswi Universiti Malaya, tamadun Islam, masyarakat Islam

**Abstract**

*This article aims to examine the evolution of the dressed culture of Malaya University students along with its issues and challenges. Along with the current of modernization, the traditional clothing culture has changed and developed with the change of times. A string of such developments, there are issues and challenges faced by students in the choice of clothes while being on campus in particular. The question is, are the factors driving the change in the development as well as the issues and challenges that arise as a result of the development of the use culture among female students at the University of Malaya. The collection of research data has used methods of documentation, observation and questions in exploring primary and secondary materials related to the objectives of the study. The data collected has been analyzed scientifically, inductive, deductive and comparative to produce findings of the research. The results of the study found that students choose clothes based on the influence of schoolmates overcoming the Islamic dress guidelines. In conclusion, clothing trends will continue to evolve over time and era. But it needs to be in line with sharia guidelines.*

---

\* Noor Zulaikha Azlin Abdul Manaf, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [zulaikhaazlin17@gmail.com](mailto:zulaikhaazlin17@gmail.com)

\*\* Aizan binti Ali @ Mat Zin (PhD), Profesor Madya di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Emel: [aizan@um.edu.my](mailto:aizan@um.edu.my)

**Keywords:** *development of wear culture, female students, University of Malaya, issues, challenges*

## Pengenalan

Berdasarkan pemerhatian pada masa kini, dapat dilihat bahawa budaya pemakaian dalam kalangan masyarakat mengalami perkembangan yang besar. Hal ini demikian kerana gaya pemakaian yang dibawa oleh negara luar telah diserap dalam kalangan masyarakat terutama golongan wanita. Kewujudan kepelbagaian fesyen dan bentuk pakaian yang kontemporari dan ranggi yang berjaya menepati citarasa serta menampilkan gaya yang elegan telah menarik minat golongan wanita terhadap pemakaian tersebut. Keghairahan mereka untuk mengejar fesyen telah menyebabkan mereka alpa tentang tuntutan berpakaian yang digariskan oleh Al-Quran dan Hadith. Ramai di kalangan remaja pada usia belasan dan awal 20-an hanyut dibuai arus fesyen. Dalam keghairahan mereka membentuk imej tersendiri yang kontemporari dan ranggi, ramai yang terlupa tentang batasan seorang muslimah. Para pelajar institusi pengajian tinggi juga tidak ketinggalan dalam berfesyen mengikut arus zaman moden walaupun terdapat kod etika berpakaian yang telah digariskan oleh pihak pentadbiran pengajian tinggi sendiri terhadap mereka tetapi masih melanggar peraturan yang telah ditetapkan. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengetahui dan mengenal pasti perubahan budaya pemakaian dalam kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya serta isu dan cabaran yang wujud kesan daripada perubahan tersebut.

## Objektif Kajian

1. Mengenalpasti faktor yang mempengaruhi perkembangan budaya pemakaian dalam kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya.
2. Mengenalpasti isu yang timbul daripada perkembangan budaya pemakaian dalam kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya.
3. Menghuraikan cabaran yang dihadapi oleh pelajar wanita di Universiti Malaya dalam berpakaian.

## Metodologi Kajian

Kajian yang digunakan ialah kajian kuantitatif iaitu menggunakan kaedah tinjauan dan borang soal selidik berbentuk *Google Form* yang mensasarkan kepada pelajar wanita daripada setiap fakulti di Universiti Malaya. Borang soal selidik tersebut mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan faktor perkembangan budaya pemakaian, isu serta cabaran pemakaian. Penyebaran soal selidik juga dilakukan melalui e-mel (siswamail) dan QR code. Data yang diperolehi daripada kaedah ini dianalisis dengan menggunakan program berkomputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 27.0. Di dalam kajian ini, penulis mendapatkan 100 orang responden yang terdiri daripada pelajar tahun 1 hingga tahun 4 pelajar wanita di UM menggunakan pensampelan mudah (*convenience sampling*). Selain itu, kajian ini juga merupakan analisis dokumen secara perpustakaan. Pengkaji telah mendapatkan data dengan merujuk kepada buku, latihan ilmiah, tesis penyelidikan, kertas kerja persidangan (*conference paper*), artikel, surat akhabar dan lain-lain.

## Dapatan Kajian

### **Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Perkembangan Budaya Pemakaian Dalam Kalangan Pelajar Wanita Di Universiti Malaya**

Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada sumber-sumber penulisan pada kajian-kajian lepas, artikel jurnal dan kajian yang dilakukan, terdapat beberapa faktor yang mendorong kepada perkembangan budaya pemakaian dalam kalangan pelajar wanita di UM. Faktor-faktor yang penyelidik telah nyatakan adalah faktor rakan, faktor media sosial, faktor trend dan faktor budaya luar atau modenisasi.

**Jadual 1: Faktor Rakan**

Bil.	Item	Min
1.	Rakan saya memainkan peranan penting dalam cara berpakaian	3.73
2.	Saya suka mengikuti cara rakan saya berpakaian	3.20
3.	<b>Bagi saya, seseorang itu terpengaruh dengan pemakaian budaya luar adalah berpunca dari pengaruh rakan</b>	<b>4.22</b>
4.	Saya dan rakan mempunyai minat yang sama dalam berfesyen	3.42
5.	Saya suka membandingkan fesyen saya dengan rakan saya	2.96

Jadual di atas menunjukkan item-item bagi faktor rakan. Berdasarkan jadual tersebut, item ketiga iaitu “Seseorang terpengaruh dengan pemakaian budaya luar adalah berpunca dari pengaruh rakan sebaya” menunjukkan nilai min tertinggi bagi faktor rakan iaitu sebanyak (4.22).

Pengaruh rakan sememangnya boleh menjadi faktor penting yang mempengaruhi seseorang. Antara sebab seseorang itu terpengaruh dengan pemakaian budaya luar yang berpunca dari pengaruh rakan sebaya ialah kerana rakan sebaya kebiasaannya boleh membuat tekanan kumpulan kepada ahli untuk mengikuti atau menyelaraskan diri mereka dengan trend atau gaya tertentu yang mungkin berasal dari budaya luar. Hal tersebut kerana, individu cenderung untuk dikenali dan diterima oleh sesebuah kumpulan yang mereka ikuti. Pelajar akan mengelakkan diri daripada disisihkan oleh rakan. Jika rakan sebaya mengamalkan pemakaian atau gaya tertentu dari budaya luar, individu itu mungkin merasakan keperluan untuk mengikutinya untuk mengekalkan hubungan sosial.

Rakan juga selalunya menjadi sumber inspirasi dan teladan. Jika seseorang melihat rakan mereka mengamalkan pemakaian atau gaya tertentu, maka boleh mencetuskan keinginan untuk meniru dan mengamalkan gaya yang serupa. Persekutaran sosial di sekeliling seseorang, terutamanya rakan sebaya, boleh memberi kesan besar pada pemilihan dan gaya pemakaian. Jika persekitaran menyokong penerimaan budaya luar, seseorang mungkin cenderung untuk mengikutinya.

Selain itu, pada permulaan memasuki alam universiti, individu sering mencari identiti dan pertalian sosialnya. Oleh itu, rakan dilihat boleh menjadi salah satu cara untuk menentukan identiti sosial, dan menerima pemakaian tertentu boleh menjadi cara untuk mencapai pengenalan dengan kumpulan tertentu. Trend dan gaya pakaian sering berkembang dan berubah dalam persekitaran sosial. Rakan sebaya boleh bertindak sebagai agen perubahan yang memperkenalkan dan mempopularkan trend baru.

**Jadual 2: Faktor Media Sosial**

Bil.	Item	Min
1.	Gaya pemakaian yang terdapat di media sosial sangat membantu dalam menentukan gaya pemakaian	4.02
2.	Saya tertarik untuk berpakaian seperti artis dan influencer yang terdapat di media sosial	2.93
<b>3.</b>	<b>Saya sering membeli pakaian atas talian kerana harganya lebih murah</b>	<b>4.24</b>
4.	Saya boleh mendapatkan gaya pemakaian yang saya inginkan menerusi media sosial	4.12
5.	Saya suka menonton rancangan yang berkaitan dengan fesyen	3.11

Jadual di atas menunjukkan item-item bagi faktor media sosial. Berdasarkan jadual tersebut, item ketiga iaitu “Saya sering membeli pakaian atas talian kerana harganya lebih murah” menunjukkan nilai min paling tinggi bagi faktor media sosial iaitu sebanyak (4.24).

Wanita sememangnya sinonim dengan aktiviti berbelanja di atas talian. Antara sebab berbelanja di atas talian menjadi pilihan kebanyakkann individu adalah kerana harga yang ditawarkan lebih murah berbanding barang yang dijual di kedai. Membeli pakaian dalam talian dengan harga yang lebih murah adalah keputusan yang dibuat oleh ramai orang, terutamanya dengan kemudahan dan kelengkapan membeli-belah dalam talian.

Rentetan daripada negara yang semakin mencapai kemajuan, teknologi juga turut mengalami kemajuan yang sangat maju. Pada zaman kini, segala maklumat berada di hujung jari sahaja dan mudah untuk didapati tanpa memerlukan seseorang itu untuk menggunakan seluruh khudrat dan usahanya. Begitu juga platform-platform untuk mendapatkan kedai-kedai pakaian yang pelbagai turut bertambah dari semasa ke semasa. Antara platform yang popular dan sering dikunjungi oleh setiap individu ialah TikTok Shop, Shopee, Instagram dan sebagainya. Bukan sahaja harga yang ditawarkan itu lebih murah, malah terdapat juga yang menyediakan *voucher* atau diskaun yang menjadikan pakaian tersebut lebih berganda murahnya berbanding harga asal. Selain itu, pakaian yang terdapat di atas talian juga lebih pelbagai dan banyak pilihan. Sekiranya pakaian yang diinginkan itu tidak dapat diperoleh di kedai tersebut, pengguna media sosial boleh melihat pada kedai lain yang menawarkan pakaian yang sama tanpa perlu bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain. Oleh yang demikian, pembelian atas talian menjadi pilihan dalam kalangan masyarakat termasuklah para pelajar wanita di UM.

### Jadual 3: Faktor Trend

Bil.	Item	Min
1.	Saya memakai pakaian trend terkini ketika ke kelas	3.17
2.	Saya gemar mengikuti dan mencuba gaya pemakaian trend terkini	3.37
3.	Saya lebih berkeyakinan apabila memakai pakaian trend terkini	3.28
<b>4.</b>	<b>Memakai pakaian yang bergaya dapat memberikan kepuasan pada diri saya</b>	<b>3.84</b>
5.	Saya mengejar pemakaian trend terkini supaya tidak ketinggalan zaman	2.94

Jadual di atas menunjukkan item-item bagi faktor trend. Berdasarkan jadual tersebut, item keempat iaitu “Memakai pakaian yang bergaya dapat memberikan kepuasan pada diri” menunjukkan nilai min tertinggi bagi faktor trend iaitu sebanyak (3.84).

Kepuasan yang dirasai apabila memakai pakaian yang bergaya adalah reaksi yang biasa dirasai oleh ramai orang. Pakaian adalah salah satu cara paling penting untuk mengekspresikan diri sendiri. Memakai pakaian bergaya membolehkan seseorang itu menyampaikan identiti dan rasa fesyen peribadinya. Apabila berasa yakin tentang penampilan, boleh dicerminkan dalam sikap dan tindakan harian. Penampilan yang menarik selalunya boleh memberi kesan positif kepada emosi seseorang. Oleh itu, memakai pakaian yang disukai boleh menjadi cara mudah untuk meningkatkan emosi.

Memilih dan menjaga pakaian yang sesuai dengan gaya peribadi adalah satu bentuk penjagaan diri. Ini adalah cara untuk menjaga dan menghormati diri sendiri. Kadangkala, pakaian yang bergaya boleh meningkatkan penerimaan sosial. Persekutaran sekeliling boleh memberikan maklum balas positif tentang penampilan, yang boleh memberikan kepuasan tambahan. Memilih pakaian yang bergaya boleh menjadi satu bentuk ekspresi kreativiti. Proses menggabungkan warna, potongan pakaian dan aksesori boleh menjadi bentuk seni kecil yang memuaskan. Memakai pakaian yang mengikut trend terkini boleh memberikan kepuasan kepada diri kerana akan berasa selaras dengan perkembangan fesyen dan gaya semasa. Sesetengah pakaian mungkin mempunyai nilai sentimental atau dikaitkan dengan pengalaman tertentu. Memakainya boleh mengembalikan ingatan dan meningkatkan perasaan positif.

### Jadual 4: Faktor Budaya Luar/Modenisasi

Bil.	Item	Min
1.	Saya lebih memilih gaya pemakaian yang moden berbanding pemakaian yang tradisional	3.34
2.	Pakaian tradisional menjadikan saya kelihatan kolot	2.36

<b>3. Fesyen pakaian moden lebih menepati citarasa dan minat saya</b>	<b>3.41</b>
4. Saya menjadikan artis dari luar negara sebagai ikon untuk berfesyen	2.36

Jadual di atas menunjukkan item-item bagi faktor budaya luar/modenisasi. Berdasarkan jadual tersebut, item ketiga iaitu “Fesyen pakaian moden lebih menepati citarasa dan minat saya” menunjukkan nilai min paling tinggi bagi faktor budaya luar atau modenisasi iaitu sebanyak (3.41).

Fesyen ialah satu bentuk ekspresi diri, dan memilih pakaian yang sesuai dengan citarasa dan minat peribadi ialah cara terbaik untuk berasa selesa dan yakin. Antara sebab mengapa seseorang mungkin lebih berminat dengan fesyen pakaian moden ialah fesyen pakaian moden sering mencerminkan trend terkini dalam reka bentuk dan gaya. Orang yang mengikuti trend fesyen terkini mungkin berasa lebih selesa dengan pakaian moden. Fesyen moden sering dicirikan oleh inovasi dan kreativiti dalam reka bentuk. Pereka bentuk mencipta pakaian dengan teknik dan bahan yang inovatif, mencipta pilihan yang segar dan menarik. Reka bentuk pakaian moden sering mempertimbangkan keselesaan dan fungsi. Media sosial sering mempromosikan trend fesyen terkini dan memberikan inspirasi gaya daripada pengaruh dan pereka terkenal. Ini boleh mempengaruhi pilihan fesyen seseorang. Fesyen pakaian moden sering mencerminkan penyesuaian kepada perubahan budaya dan perkembangan sosial. Reka bentuk boleh mengikut semangat zaman dan mencerminkan nilai kontemporari.

### **Analisis Isu Yang Timbul Daripada Perkembangan Budaya Pemakaian Dalam Kalangan Pelajar Wanita di Universiti Malaya**

Umum diketahui bahawa fesyen pakaian wanita Muslimah secara khususnya sangat hebat melanda dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Tambahan lagi, kemunculan para pereka fesyen yang menonjolkan pelbagai gaya, warna, fesyen pakaian dan perhiasan yang tentunya memikat hati para wanita yang sememangnya suka akan kecantikan dan keindahan. Dalam fenomena ini, etika pakaian Islam dan tabarruj tentunya diketepikan secara sengaja atau tidak sengaja oleh sebahagian Muslimah kerana keghairahan mereka dalam mengejar fesyen ‘up-to-date’. Ini bermakna, aspek pakaian patuh syariah dan isu tabarruj merupakan perkara yang dianggap agak remeh dan kurang penting kepada masyarakat Islam.

**Jadual 5: Pakaian yang bertentangan dengan ajaran Islam**

Bil.	Item	Percent (%)
1.	Memakai pakaian ketat sehingga menampakkan aurat	18
2.	Memakai seluar jeans yang ketat	31
<b>3.</b>	<b>Memakai tudung tapi menampakkan aurat</b>	<b>32</b>
4.	Mengenakan pakaian yang tidak menutup aurat	19

Jadual di atas menunjukkan item bagi pemakaian pelajar wanita muslim di Universiti Malaya masa kini yang bertentangan dengan ajaran islam. Seramai 32 orang responden (32.0%) memilih pelajar wanita di UM memakai tudung tetapi menampakkan aurat menjadikannya sebagai item yang memperoleh jumlah tertinggi. Hal ini kerana, penggunaan tudung pada masa kini adalah pelbagai gaya dan fesyen. Berdasarkan pemerhatian, pemakaian tudung dengan gaya melilit dibahagian leher menjadi trend dan banyak pelajar yang mengikuti pemakaian tersebut. Walaupun gaya tersebut mudah untuk digayakan, namun telah mendedahkan aurat di bahagian dada. Penggunaan tudung pelajar wanita Universiti Malaya yang tidak menepati kehendak masyarakat mungkin mencerminkan beberapa faktor dan cabaran yang dihadapi dalam konteks pemakaian tudung. Pengaruh trend dan fesyen serta media sosial boleh menjadi faktor utama pelajar wanita memilih untuk menggayaan tudung mereka.

Seterusnya, 31 orang responden (31.0%) pula menyatakan terdapat pelajar yang memakai seluar jeans yang ketat. Seluar jeans amat popular pada masa kini dan menjadi pilihan ramai orang. Bagi sesetengah individu, seluar jeans dapat memudahkan pergerakan mereka ketika melakukan tindakan. Keputusan seseorang individu untuk memakai jeans ketat boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk pilihan peribadi, gaya fesyen, keselesaan dan norma sosial di sekeliling mereka. Pengaruh trend fesyen dan keinginan mengikuti fesyen terkini boleh menjadi faktor pemilihan jeans ketat. Keghairahan untuk mengikuti trend terkini membuatkan seseorang itu cenderung mengikuti pemakaian jeans tambahan pula terdapat pengaruh selebriti tempatan dan antarabangsa di media sosial yang mengenakan penggunaan tersebut. Melihat kepada situasi sedemikian, keinginan untuk mencuba secara tidak langsung timbul.

19 orang responden (19.0%) menyatakan pelajar wanita di UM mengenakan pakaian yang tidak menutup aurat. Pakaian yang tidak menutup aurat dapat dikesan dengan sangat banyak dalam kalangan pelajar. Kebanyakkan pelajar dilihat sangat megejar fesyen dan trend sehingga mengenepikan konsep pakaian menutup aurat. Tambahan pula, pelajar mempunyai keinginan dan sifat suka mencuba perkara baharu yang mendorong pelajar tersebut mencuba pakaian trend terkini yang lebih menarik perhatian. Selain itu, Universiti Malaya mempunyai populasi pelajar yang terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan agama. Perbezaan ini boleh mewujudkan kepelbagaian dalam gaya pakaian.

Akhir sekali, sebanyak 18 orang responden (18.0%) mengatakan bahawa terdapat pelajar wanita di UM memakai pakaian ketat sehingga menampakkan bentuk badan. Pakaian yang ketat juga dapat dilihat dengan pemakaian baju kurung. Hal ini kerana, baju kurung pada zaman kini terdapat potongan di bahagian pinggang untuk membuatkan si pemakai kelihatan langsing dan menawan. Selain itu, pakaian ketat dilihat pada pemakaian sukan kerana seseorang yang bersukan tidak gemar memakai pakaian yang longgar kerana itu akan menghalangnya daripada bergerak aktif.

**Jadual 6: Tabarruj**

Bil.	Item	Percent (%)
1.	Bertindik	20
2.	Fesyen moden dan terkini	15

---

3. Mendedahkan aurat dan perhiasan	17
4. Mewarnakan rambut	20
<b>5. Pemakaian alat solek</b>	<b>28</b>

---

Jadual di atas menunjukkan item-item yang terdapat dalam isu tabarruj dalam kalangan pelajar wanita muslim di Universiti Malaya. Berdasarkan jadual tersebut, 28 orang responden (28%) memilih pemakaian alat solek sebagai bentuk tabarruj. Pemakaian alat solek memperolehi jumlah peratusan yang paling tinggi menunjukkan ramai pelajar wanita yang bersolek tidak kiralah ketika menghadiri kuliah atau tidak. Pada zaman kini, wanita memang tidak dapat dipisahkan dengan solekan. Solekan telah menjadi satu keperluan kepada para wanita sebelum bergerak ke sesuatu tempat. Dengan bersolek, mereka akan berasa lebih yakin untuk berjumpa dengan orang ramai. Kebanyakan wanita bersolek bertujuan untuk menambahkan keyakinan diri sendiri dan menambahkan kecantikan yang sedia ada. Sememangnya tidak dapat dinafikan fitrah seseorang wanita itu adalah menyukai kecantikan. Malahan Islam juga suka akan kecantikan. Namun, keadaan pada hari ini dilihat, banyak wanita bersolek dengan terlalu berlebihan sehingga menarik perhatian orang ramai terutamanya kaum lelaki terhadap mereka. Pemerhatian mendapati terdapat pelajar yang bersolek secara keterlaluan iaitu dengan memakai bulu mata palsu, gincu yang digunakan terlalu meninjol dan solekan yang terlalu tebal. Ini bertentangan dengan ajaran Islam agar bersederhana dalam berpakaian. Tujuan mereka bersolek juga telah terpesong iaitu untuk memperlihatkan kecantikan mereka kepada lelaki-lelaki di samping untuk mendapatkan puji.

Bertindik dan mewarnakan rambut pula mendapat jumlah peratusan kedua tertinggi iaitu masing-masing sebanyak (20.0%). Budaya bertindik ini dilihat semakin menular dan berleluasa dalam kalangan remaja di Malaysia. Di media sosial terutamanya akan mendapati ramai individu yang bertindik pada hidung, telinga, pusat, lidah, bahagian atas kening, dagu, dan bahagian bawah bibir. Individu yang terdapat di media sosial kebanyakannya adalah merupakan golongan yang dikenali ramai, oleh yang demikian mereka secara tidak langsung telah menunjukkan contoh dan mempengaruhi orang ramai untuk bertindak sedemikian. Manakala ramai di kalangan wanita yang terpengaruh dengan gaya orang-orang luar negara untuk mewarnakan rambut mereka walaupun tiada sebarang alasan kukuh untuk berbuat demikian melainkan untuk kecantikan semata-mata. Pada umumnya, Islam tidak melarang untuk mewarnakan rambut dengan inai atau bahan-bahan yang halal kecuali jika bahan itu menghalang air daripada sampai kepada rambut. Namun, zaman kini, terdapat bahan yang digunakan untuk mewarnakan rambut menggunakan bahan yang tidak diyakini di dalam Islam di mana bahan tersebut menghalang air daripada mengalir ke rambut. Keadaan ini akan menyebabkan solat seseorang itu tidak sah kerana wuduknya tidak sempurna.

17 orang responden (17.0%) memilih mendedahkan aurat dan perhiasan. Contoh pakaian yang mendedahkan aurat adalah pakaian yang jarang atau nipis sehingga menampakkan apa yang ada disebalik pakaian tersebut. Ini bermaksud juga pakaian yang mendedahkan sebahagian bahagian-bahagian sulit badan seperti dada, punggung dan sebagainya yang boleh menimbulkan fitnah. Perhiasan berlebihan dalam konteks ini bermaksud perhiasan yang menarik perhatian orang ramai kepadanya, seperti memakai pakaian yang terang dan menonjol, pakaian yang berhias dengan manik-manik yang bersinar dan labuci yang berwarna-warni. Memakai perhiasan yang keterlaluan sehingga memikat pandangan orang lain kepada dirinya juga dilarang dalam Islam.

Tambahan pula, Islam melarang perhiasan yang berlebihan seperti memakai barang kemas yang keterlaluan adalah untuk melindungi diri daripada terlibat dengan kegiatan jenazah seperti ragut dan samun.

Akhir sekali, 15 orang responden (15.0%) pula memilih fesyen moden dan terkini. Jika dilihat pada zaman kini, fesyen-fesyen yang digemari oleh para wanita adalah fesyen yang dipengaruhi dan dibawa oleh Barat. Hal ini kerana, fesyen moden dan terkini kelihatan lebih menarik dan menepati citarasa orang ramai. Dalam keghairahan untuk membentuk imej tersendiri yang kontemporari dan ranggi, ramai wanita yang lupa mengenai batasan-batasan dalam berpakaian sebagai seorang Muslimah. Ini dapat dilihat pada fesyen terkini kebanyakannya bertentangan dengan garis panduan berpakaian dalam Islam. Fesyen terkini yang diperkenalkan terlalu ketat, dan singkat dan dilihat seperti kain yang membungkus, nipis dan mendedahkan sebahagian besar tubuh badan yang sepatutnya ditutup.

### **Analisis Cabaran Perkembangan Budaya Pemakaian Dalam Kalangan Pelajar Wanita Di Universiti Malaya**

**Jadual 7: Cabaran**

Bil.	Item	Min
1.	Pengaruh yang dibawa oleh barat terlalu kuat	4.39
2.	<b>Pelajar universiti Malaya yang datang dari pelbagai latar belakang</b>	<b>4.57</b>
3.	Perluasan teknologi yang mudah diakses pada zaman kini	4.55
4.	Pelajar kurang didedahkan dengan kefahaman yang betul mengenai pemakaian yang disyariatkan oleh islam	3.69
5.	Pakaian yang terdapat di pasaran kebanyakannya tidak menepati syariat islam	3.84
6.	Tiada teguran daripada individu lain terhadap gaya pemakaian	4.01
7.	Pergaulan bebas dalam kalangan pelajar	4.48

Jadual di atas menunjukkan item-item bagi cabaran yang dihadapi. Berdasarkan jadual tersebut, item “Pelajar Universiti Malaya yang datang dari pelbagai latar belakang” menunjukkan nilai min tertinggi dalam cabaran yang dihadapi iaitu sebanyak (4.57). Kehadiran pelajar pelbagai latar belakang di Universiti Malaya (UM) mampu memberi cabaran dari segi pemakaian, lebih-lebih lagi jika norma pemakaian yang berlaku dalam kalangan pelbagai budaya atau kelompok sosial adalah berbeza. Pelajar dari latar belakang yang berbeza mungkin mempunyai norma pemakaian yang berbeza. Pelajar yang mewakili pelbagai agama mungkin menghadapi cabaran dalam mengintegrasikan pemakaian yang selaras dengan norma agama mereka dalam persekitaran universiti yang cenderung canggih dan moden.

Item “Perluasan teknologi yang senang diakses” menunjukkan nilai min kedua tertinggi bagi cabaran yang dihadapi iaitu sebanyak (4.55). Perluasan teknologi yang mudah diakses pada masa kini boleh memberikan beberapa cabaran dalam pemakaian pelajar wanita di Universiti Malaya. Teknologi yang boleh diakses, terutamanya melalui media sosial, boleh mengukuhkan trend pemakaian tertentu. Pelajar wanita merasa ter dorong untuk mengikuti trend fesyen popular di media sosial, tanpa mengira pematuhan dengan nilai atau norma sosial yang sedia ada. Media sosial dan internet secara umumnya menimbulkan tekanan kepada pelajar wanita untuk kelihatan ‘trendy’ atau bergaya. Ini boleh menimbulkan keinginan untuk menukar pakaian mengikut trend terkini, walaupun bertentangan dengan norma sosial atau nilai tertentu. Menerusi perkembangan teknologi, pengaruh budaya asing terutamanya barat dapat diakses dengan lebih mudah. Ini boleh menimbulkan cabaran apabila gaya pakaian daripada budaya asing yang mungkin tidak mematuhi sepenuhnya nilai tempatan atau agama diterima pakai tanpa pertimbangan yang teliti.

Seterusnya, item “Pergaulan bebas dalam kalangan pelajar” menunjukkan nilai min ketiga tertinggi bagi cabaran yang dihadapi iaitu sebanyak (4.48). Disebabkan pergaulan bebas dalam kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya, cabaran dalam pemakaian cenderung timbul akibat pengaruh persekitaran sosial yang cenderung lebih liberal. Tambahan pula, kedudukan UM yang terletak di tengah-tengah bandar lebih mendedahkan para pelajar kepada anasir-anasir yang tidak baik. Tidak ketinggalan juga pelajar mudah untuk terkena kejutan budaya. Pergaulan bebas dan pilihan pemakaian yang lebih terbuka boleh bercanggah dengan nilai dan norma agama tertentu.

Kemudian diikuti item “Pengaruh modenisasi yang dibawa oleh Barat terlalu kuat” yang menunjukkan nilai min keempat tertinggi bagi cabaran yang dihadapi iaitu sebanyak (4.39). Pengaruh pemodenan yang terlalu kuat boleh menimbulkan beberapa cabaran dalam pemakaian di kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya. Pemodenan sering membawa perubahan dalam norma sosial dan nilai tradisional. Pelajar wanita yang cenderung berpegang kepada nilai tradisi atau agama tertentu mungkin berasa bercanggah dengan norma baharu yang diperkenalkan oleh pemodenan, termasuk mengenai pakaian. Pengaruh pemodenan boleh menimbulkan tekanan kepada pelajar wanita untuk mengikuti trend dan penggunaan yang lebih moden, walaupun perkara tersebut bertentangan dengan nilai atau pilihan peribadi mereka. Pemodenan yang tidak seimbang atau tidak terkawal boleh mencetuskan penggunaan pemakaian yang bertentangan dengan norma agama, terutamanya jika trend fesyen mengabaikan garis panduan agama atau memperkenalkan penggunaan yang dianggap kurang sesuai dengan ajaran agama.

Item “Tiada teguran daripada individu lain mengenai gaya pemakaian” pula menunjukkan nilai min kelima tinggi bagi cabaran yang dihadapi iaitu sebanyak (4.01). Ketidakupayaan atau kekurangan amaran daripada individu lain tentang cara berpakaian boleh menimbulkan beberapa cabaran dalam konteks pemakaian, terutamanya dalam persekitaran universiti. Seperti yang sedia maklum, universiti mempunyai etika pemakaian yang perlu diikuti oleh para pelajar. Oleh yang demikian, cabaran yang dihadapi adalah apabila pihak universiti tidak menegur pelajar yang memakai pakaian yang sembarang dan melanggar etika pemakaian. Tanpa amaran atau panduan tentang cara berpakaian, norma pemakaian di persekitaran universiti mungkin menjadi tidak jelas. Ini boleh menimbulkan ketidakpastian tentang perkara yang dianggap sesuai atau tidak sesuai dalam pilihan pakaian. Tanpa teguran atau bimbingan daripada pihak atasan, sesebuah institusi atau komuniti mungkin menghadapi kesukaran untuk mengekalkan piawaian pemakaian yang telah ditetapkan untuk mewujudkan persekitaran yang inklusif dan konsisten dengan nilainya.

Manakala item “Pakaian yang terdapat di pasaran kebanyakannya tidak menepati syariat Islam” menunjukkan nilai min kedua terendah bagi cabaran yang dihadapi iaitu sebanyak (3.84). Cabaran yang timbul daripada pakaian yang tidak menepati syariat Islam di pasaran boleh mewujudkan situasi yang kompleks dalam kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya. Pelajar wanita yang berusaha untuk mematuhi syariah Islam mungkin menghadapi ketersediaan pilihan yang terhad di pasaran. Pakaian yang menepati syariah Islam mungkin tidak selalu mudah didapati, lebih-lebih lagi jika trend fesyen umumnya tidak mempedulikan peraturan syariah. Selain itu, sesetengah pakaian yang direka dengan mengambil kira aspek hukum Islam selalunya dihasilkan dengan bahan yang lebih berkualiti dan reka bentuk yang lebih teliti. Ini boleh menyebabkan harga pakaian yang menepati hukum syarak menjadi lebih tinggi yang mungkin menjadi penghalang kepada pelajar yang mempunyai keterbatasan kewangan.

Item “Pelajar kurang didedahkan dengan kefahaman yang betul mengenai pemakaian yang disyariatkan Islam” menunjukkan nilai min terendah bagi cabaran yang dihadapi iaitu sebanyak (3.69). Salah faham atau kurang faham mengenai pemakaian yang disyariatkan oleh Islam boleh menimbulkan beberapa cabaran dalam budaya pemakaian dalam kalangan pelajar wanita di Universiti Malaya. Kurang kefahaman mengenai penggunaan yang ditetapkan oleh Islam boleh menimbulkan ketidakpastian dalam pemilihan pakaian. Pelajar wanita mungkin mengalami kesukaran untuk menentukan sama ada pakaian yang mereka pilih mematuhi garis panduan agama atau tidak.

## **Kesimpulan**

Di dalam Islam, wanita diwajibkan untuk menjaga auratnya dengan sempurna iaitu memakai pakaian yang menutupi seluruh anggota badan kecuali muka dan telapak tangan. Islam tidak menetapkan jenis pakaian yang perlu dipakai oleh seorang wanita, namun Islam menggariskan panduan pakaian yang mengikut syariat Islam. Hal ini menunjukkan bahawa Islam tidak memaksa dan memberikan kelonggaran kepada hambanya untuk memilih pemakaian masing-masing. Oleh yang demikian, untuk mengikuti peredaran zaman yang membawa kepada perubahan masa terutama dalam pemakaian seorang wanita, mereka perlu bijak dalam membuat pilihan sama ada untuk memakai pakaian sempurna atau hanya membaluti badan. Menjadi tanggungjawab para wanita untuk memilih baju yang bersesuaian dengan etika pemakaian yang digariskan Islam. Hal ini kerana, kebanyakan pemakaian yang menjadi trend masa kini dilihat sebagai pakaian yang menjolok mata serta menaikkan nafsu syahwat ajnabi seperti pakaian yang ketat, nipis dan jarang. Berfesyen yang menurut perspektif syariat Islam adalah yang paling baik bagi wanita muslimah. Pensyariatannya sangat sesuai dan bertepatan dengan fitrah semulajadi wanita. Di dalam Al-Quran dan Hadis telah dinyatakan beberapa panduan supaya seorang wanita dapat memakai pakaian yang sempurna sehingga tidak menimbulkan fitnah dan tidak bertabarruj. Justeru itu, jadilah wanita yang disayangi oleh Allah dan juga dari golongan yang mudah untuk masuk syurganya dengan mengaplikasikan etika pemakaian Islam yang betul agar tidak melanggar fitrah manusia dan syariah Islamiyyah. Meskipun terdapat pelbagai cabaran dan halangan untuk berpakaian sopan dan menutup aurat tambahan pula pada masa kini, namun segala usaha untuk memberikan yang terbaik pada diri dan agama akan dihisab oleh Allah SWT dan diberikan ganjaran di akhirat kelak.

## Rujukan

- Ahmad Fauzi. (2016). Pakaian Wanita Muslimah Dalam Perspektif Hukum Islam. IQTISHODIA Jurnal Ekonomi Syariah, 1(1), 41-58.
- Ahmad Mustami. (2015). Islamic Education in Civilization of Fashion Industry: Clothes Concept Reflection in Islam. Ta'dib, 20(1), 165-181. <https://doi.org/https://doi.org/10.19109/td.v20i1.82>
- Ainun Masnunah, A. H., Neli Rahmah,. (2022). Pemikiran Sosial Budaya Ibn Khaldun. Journal Scientific of Mandalika (JSM), 3(4), 271-279.
- Asliza Bt Aris. (2014). The evolution and transformation of Baju Kurung in the Peninsular of Malaysia. Unpublished doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA.
- Aszulhida Aman, R. M. A. Z., Zuliskandar Ramli dan Nurfarrahhana Ismail, (2021). Perkembangan dan Evolusi Pakaian Alam Melayu. Paper presented at the Seminar Antarabangsa Susatera, Bahasa dan Budaya Nusantara.
- Bahrun Ali Murtopo. (2017). Etika Berpakaian Dalam Islam: Tinjauan Busana Wanita Sesuai Ketentuan Islam. Jurnal Pemikiran Keislaman Dan Kemanusiaan, 1(2), 243-251.
- Bushrah Basiron, M. I. M., Kamarui Azmi Jasmi, Sharifah Norlaili Sikh Sudin, (2005). Konsep Tabarruj Menurut Perspektif Islam Dan Kepentingannya Dalam Kehidupan Wanita in International Seminar on Muslim Women: Future and Challenges in Shaping the Ummah at Sofitel Palm Resort, Senai Johor on 02-03 April 2005, pp 1-10.
- Ezzah Insyirah Md Hairee, N. S. Z. H., Saiyidah Safwanah Jummain, Prof Madya Dr Syed Najihuddin Syed Hassan, (2022). Satu Kajian Berfesyen Dan Tabbaruj Menurut Perspektif Islam Dalam Kehidupan Wanita. Paper presented at the Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7 (PASAK 7 2022).
- Hanisa Hassan, B. A. Z., Imam Santosa, (2013). Identity and values of Malaysian Muslims among Women and their metaphor in fashion. Paper presented at the The Asian Conference on Arts & Humanities, Osaka, Japan.
- Hanisa Hassan, Binarul Anas Zaman, Imam Santosa. (2015) Tolerance of Islam: A Study on Fashion among Modern and Professional Malay Women in Malaysia. International Journal of Social Science and Humanity, Vol. 5, No. 5, 454-460.
- Hussin, H., Nawawi, N. M., & Haji Mohamed, A. (2013). Evolusi Dan Tipologi Pakaian Wanita Melayu Di Semenanjung Malaysia. Institut Alam & Tamadun Melayu, UKM Bangi.

- Ira Meilita Binti Ibrahim, T. B. A. L., Afi Roshezry Bin Hj.Abu Bakar, Muthualagan A/L Thangavelu, Edwin Michael,. (2012). Modenisasi dan Pengaruh Trend Fesyen dalam Kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Malaysian Journal of Youth Studies*, 6, 165-178.
- Jurni Malia. (2020). Pengaruh Media Sosial Terhadap Estetika Berpakaian Islami Remaja Putri (Studi di Kecamatan Sawang Kabupaten Aceh Utara). Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam -Banda Aceh,
- Lini Yuliza. (2021). Trend Berpakaian Masa Kini Mengubah Fungsi Busana Muslimah di Kalangan Wanita Muslim. *GUAU: Jurnal Pendidikan Profesi Guru Agama Islam*, 1(1), 11-22.
- Marni, N., Wan Ahmad, W. Y., & Wan Md. Naser, Maziah (2015). Mahasiswa dan Gaya Penampilan in Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Penampilan, Kesihatan, dan Aktiviti Sosial. *Jilid III*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press, p. 1-20. ISBN: 978-983-52- 1042-6.
- Mirna Wati, H. S. (2018). The Concept of Tabarruj in the Qur'an according to Muslim Commentators. *AJIS: Academic Journal of Islamic Studies*, 3(2), 163-190.
- Mohd Roslan Mohd Nor, N. K. M. S. a. (2016). Persoalan Hijab Dalam Kalangan Wanita Muslim: Satu Tinjauan Literatur. *Wanita Islam Kontemporari: Isu, Cabaran dan Amalan Terbaik*.
- Muhammad Alifuddin. (2014). Etika Berbusana dalam Perspektif Agama Dan Budaya. *Jurnal Shautut Tarbiyah*, 1(1), 80-89.
- Nazirah bte Lee. (2014). Transformasi Fesyen Pakaian Muslim Di Semenanjung Tanah Melayu, 1930–1940. *Jurnal Perspektif*, 6(3), 68-80.
- Nozira Salleh. (2021). Tabarruj dan Fesyen Pakaian Muslimah pada Zaman Kini. *Journal of Southeast Asia Social Science and Humanities*, 91(1), 109-118. doi: <https://doi.org/10.17576/akad-2021-9101-09>
- Nurmiati. (2019). Tabarruj Dalam Al-Qur'an (Perspektif Mahasiswa Asrama Putri Iain Palopo). Doctoral dissertation, Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Palopo.
- Paizah Hj Ismail. (2004). Aurat Wanita: Konsep dan Hukum Mengenainya *Jurnal Syariah*, 12(1), 21-42.
- Ramle, M. S. Z. (2013). Fesyen pemakaian tudung dikalangan remaja: satu kajian di Jitra FASS Final Project (BIS).
- Rashidah Othmana, S. N. M., Farahwahida Mohd Yusof, Muhammad Amir Wan Haruna, (2016). Fesyen wanita menurut perspektif Islam dan kesannya terhadap kesejahteraan fizikal dan spiritual. *Sains Humanika*, 8(3), 65-71.

- Ridwan Hadi, M. H. R. (2023). Pengaruh Fashion Terhadap Perubahan Gaya Berpakaian Mahasiswa Jurusan Ilmu Komunikasi Fakultas Ilmu Sosial Uinsu Stambuk 2019. *Jurnal Indonesia: Manajemen Informatika dan Komunikasi*, 4(3), 1014-1023. doi: <https://doi.org/10.35870/jimik.v4i3.307>
- Rokiah Ismail. (2003). Fesyen pakaian remaja: mengapa perlu "ranggi"? Paper presented at the Prosiding Persidangan Kebangsaan, UKM Bangi.
- Salleh, N. J. A. (2021). Tabarruj dan Fesyen Pakaian Muslimah pada Zaman Kini (Tabarruj and Muslimah's Clothing Fashion at this Present). 91(1).
- Siti Sarah Zainal Abidin, M. N. I. (2018). Busana Muslimah Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Hadith. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 1(2), 60-71.
- Siti Zanariah Husain, M. A. S. (2021). Konsep Fesyen Menurut Syarak dan Kaitan dengan Tabarruj: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6(2), 114- 126.
- Suna, A. S., Devy Habibi Muhammad, (2022). Etika Berbusana Muslimah Dalam Perspektif Agama Islam Dan Budaya. *Jurnal Pendidikan Dan Konseling*, 4(1), 243-251. doi: <https://doi.org/10.31004/jpdk.v4i1.3557>
- Syarifah Alawiyah, B. H., Imas Kania Rahman, (2020). Adab Berpakaian Wanita Muslimah Sesuai Tuntunan Syariat Islam. *Jurnal Ilmu Islam*, 4(2), 218-228. doi:DOI: 10.37274/rais.v4i02.338
- Titik Rahmawati, A. K. (2019). Etika Berpakaian Dalam Islam (Studi Tematik Akhlak Berpakaian Pada Kitab Shahih Bukhori). *Jurnal Inspirasi*, 3(1), 55-80.